

'Muhyiddin memang perlu pastikan ada kesetiaan elak tumbang'

Malaysiakini

21 April 2020

M Fakhru Halim

Memang penting untuk Muhyiddin Yassin memastikan kesetiaan parti komponen Perikatan Nasional (PN) berpihak kepadanya sehingga pilihan raya umum (PRU) ke-15, kata penganalisis politik, Dr Jeniri Amir.

Diminta mengulas surat presiden Umno, Dr Ahmad Zahid Hamidi, kepada perdana menteri yang meminta pertimbangan jawatan buat empat pemimpin Umno Sabah, kata Jeniri, biarpun keputusan terpulang pada Muhyiddin, beliau masih perlu memikirkan soal sokongan terhadap dirinya.

“Satu perkara penting untuk perdana menteri sekarang adalah untuk memastikan kesetiaan orang terhadap beliau, di tengah-tengah kedudukannya yang tidak begitu terjamin (dalam PN).

“Jadi dengan apa-apa cara dan strategi, beliau nak memberi imbalan kepada mereka (komponen PN), untuk memastikan sokongan itu sekurang-kurangnya

dapat diberi dan kemudiannya, PN itu tidak tumbang sebelum PRU-15.

“Jadi itu satu strategi untuk memastikan kemantapan kedudukan beliau sebagai PM dan juga (untuk) PN,” katanya kepada Malaysiakini ketika dihubungi.

Kata Jeniri, adalah sesuatu yang “normal” buat mana-mana presiden parti dalam sesuatu pakatan politik mengemukakan calon bagi menerajui jawatan tertentu.

“Beliau (Zahid) bukan mendesak, hanya memohon. Pertimbangan terakhir itu terpulang kepada perdana menteri, sama ada akur pada cadangan itu atau tidak,” katanya lagi.

Nama Bung Moktar jadi sebutan

Bagi seorang lagi penganalisis politik, Dr Arnold Puyok, permohonan Ahmad Zahid itu mungkin dibuat atas merit bahawa Umno masih mempunyai sokongan yang kuat di Sabah, menjadikan parti itu layak diberikan representasi yang kuat bagi mewakili negeri di peringkat persekutuan.

“Di beberapa kawasan di Sabah, jentera Umno juga masih berfungsi. Jika kita lihat pada PRK (pilihan raya kecil) Kimanis lepas, jentera Umno amat membantu.

.

“Muhyiddin akan menggunakan pengaruh beliau sebagai perdana menteri untuk menarik atau mengukuhkan sokongan dari pelbagai pihak. Persoalannya, sejauh manakah beliau akan memberikan konsesi kepada Umno dan PAS?” katanya ketika dihubungi Malaysiakini.

Pada 17 April lalu, sepucuk surat tersebar memaparkan tuntutan Ahmad Zahid untuk empat pemimpin Umno Sabah agar dilantik menjawat beberapa jawatan.

Antaranya Pengerusi Umno Sabah, Bung Moktar Radin, dicadangkan untuk jawatan pengerusi Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah.

Ahli parlimen Kinabatangan itu sedang dibicarakan bersama isterinya, Zizie Izette Samad, atas tuduhan rasuah semasa menjadi pengerusi bukan eksekutif Felcra.

Meskipun mengakui status Bung Moktar sedang dibicarakan mungkin menjadi pertikaian sesetengah pihak, kata Jeniri, pemilihan tokoh itu mungkin atas faktor kesetiaannya terhadap Umno, setelah ramai pemimpin meninggalkan parti akibat kekalahan teruk BN dalam PRU ke-14 lalu.

Selain Bung, Anggota Parlimen Kimanis, Mohamad Alamin, dicadang dilantik sebagai timbalan menteri; bekas menteri Abdul Rahman Dahlan, dicadang

dilantik sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Sabah; manakala Timbalan Ketua Umno Sabah, Yakubah Khan, dicadang dilantik menjadi pengerusi Lembaga Pelabuhan Labuan.

Mesti ada perbincangan

Untuk rekod, Sabah kini ditadbir oleh Warisan yang menyokong Pakatan Harapan (PH).

Sementara itu, disoal apakah surat Ahmad Zahid itu menunjukkan Umno sedang menggunakan faktor sokongan untuk “merebut peluang” jawatan sebelum berpatah arang dengan Bersatu dan PN menjelang PRU-15 nanti, Jeniri tidak menolak perkara tersebut.

“Tak ada alasan untuk Umno (bersama PN pada PRU-15).

“Mereka takkan bertanding sebagai PN kerana ini akan merugikan Umno yang ternyata mendapat sokongan padu di kawasan Melayu,” katanya yang turut mengingatkan bahawa majoriti kerusi di semenanjung adalah majoriti Melayu.

“Jadi kenapa dia (Umno) harus korbankan?” soal Jeniri.

Lebih-lebih lagi, katanya, Umno yang memiliki banyak kerusi itu dilihat dipinggirkan dalam kabinet PN, dan diberikan jawatan yang tidak begitu penting.

Jeniri yakin untuk PRU ke-15 nanti, Umno akan meninggalkan PN serta Bersatu, bertanding bersama PAS dalam entiti lain - Muafakat Nasional - bagi memastikan parti itu dapat menjadi parti tulang belakang dalam pembentukan kerajaan.

Pada Mac lalu, Ahmad Zahid dan mantan perdana menteri Najib Razak, keduanya membuat kenyataan senada - Umno hanya akan menyokong kepemimpinan Muhyiddin serta mempertahankan PN sehingga PRU ke-15 sahaja.

Bagaimanapun, berbeza daripada Jeniri, bagi Arnold pula, kenyataan Zahid dan Najib itu tidaklah harus diambil secara bulat-bulat.

“Saya pasti ada perbincangan antara Muhyiddin dan Umno bagi memastikan kelangsungan Bersatu dan Umno di tampuk kuasa.

“Setakat ini, parti-parti komponen dalam PN akan terus bekerjasama. Keadaan masih agak fluid (boleh berubah menurut pelbagai kemungkinan).

“Kita tunggu apa yang akan berlaku kepada Bersatu dan juga langkah seterusnya

yang akan diambil PKR,” katanya lagi.

Dewan Rakyat akan bersidang sehari pada 18 Mei ini bagi membincangkan rang undang-undang dan usul urusan kerajaan tanpa melibatkan sesi pertanyaan lisan, pertanyaan bertulis, usul atau kamar khas.

Keputusan itu mendapat kritikan wakil rakyat pembangkang, dengan ada yang menyifatkan Muhyiddin takut berdepan anggota parlimen PH yang mungkin mengerakkan usul undi tidak percaya terhadapnya sebagai PM.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/521738>